

SOALAN NO: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
SOALAN : 15

YB Datuk Koh Nai Wang [Alor Gajah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) Apakah status pengendalian Kementerian terhadap mesin perubatan lama dalam hospital kerajaan yang telah diperbaiki atau dinaik taraf seperti mesin CT scan.
- b) Adakah ia dipindahkan ke pusat kesihatan daerah, klinik kesihatan atau klinik 1 Malaysia untuk memberikan perkhidmatan perubatan yang komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian akan membaiki atau menaik taraf (*refurbishing*) peralatan perubatan yang masih relevan aplikasi teknologinya atau tidak '*obsolete*' dengan penggantian komponen pada peralatan tersebut untuk meningkatkan keupayaan serta jangka hayat peralatan berkenaan. Buat masa ini, hanya mesin perubatan pengimejan yang berkos tinggi seperti mesin MRI yang menjalani proses pembaikan dan naik taraf dalam lingkungan kos yang berpatutan.

Mesin pengimejan yang telah dinaik taraf atau dibaiki hanya akan ditempatkan di hospital yang mempunyai kakitangan yang terlatih dan berkemahiran dalam bidang berkaitan serta infrastruktur yang sesuai bagi pengoperasian dan penempatan mesin-mesin tersebut. Bukan menjadi polisi KKM untuk memindahkan mesin-mesin seperti ini ke Klinik Kesihatan.

Di fasiliti kesihatan primer (Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu & Anak, Klinik Desa dan Klinik 1 Malaysia) mesin atau peralatan perubatan lama akan terus digunakan sekiranya masih berfungsi dengan baik. Peralatan lama yang tidak boleh dibaiki atau kos pembaikan tidak ekonomikal, ia akan diganti mengikut kemampuan kewangan KKM. Sejak tahun 2015, sebanyak lebih 40,306 unit peralatan biomedikal di fasiliti ini diselenggara secara komprehensif (*preventive maintenance and corrective maintenance*) di bawah projek *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET). Di samping itu, sebanyak 33,676 unit peralatan baru akan diperolehi secara berfasa (bermula 2016 - 2019). Projek MEET ini juga melibatkan semua fasiliti kesihatan primer di Negeri Melaka termasuk Daerah Alor Gajah.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **27 NOVEMBER 2017 [ISNIN]**
SOALAN : **16**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan penyelidikan dan pembangunan yang dibiayai oleh Kementerian (MOSTI) sejak dari 2013 sehingga sekarang dan contoh yang telah dikomersialkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh lima tahun dari tahun 2013 hingga Jun 2017, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah meluluskan pembiayaan sebanyak **RM1.079 billion** untuk membiayai sejumlah **2,007** projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) di bawah pelbagai skim Dana dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

MOSTI telah mencatatkan jumlah pembiayaan R,D&C tertinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak RM317.5 juta dan terendah pada tahun 2014 dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM125.5 juta. Manakala sehingga

suku kedua tahun 2017, MOSTI telah membiayai projek R,D&C baharu berjumlah sebanyak RM177.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang giat melaksanakan usaha untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibiayai menerusi dana kerajaan misalnya Dana *Intensification of Research in Priority Areas* (IRPA), Dana *ScienceFund*, Dana *TechnoFund*, Dana *InnoFund*, Dana MOSTI *Social Innovation* (MSI), Dana Pengkomersialan Hasil Penyelidikan (CRDF), Dana Perolehan Teknologi (TAF) dan Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF). Selain itu, MOSTI telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan hasil pengkomersialan R&D melalui sesi *engagement* bersama *stakeholders*, *pitching*, *business matching*, pembangunan upaya dan lain-lain di bawah inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY).

MCY merupakan satu inisiatif strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dilaksanakan oleh MOSTI dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MoF). Melalui inisiatif ini, MCY berperanan sebagai platform fungsi pemindahan teknologi dan pengkomersialan antara pelbagai agensi, universiti dan pihak swasta untuk mengiatkan lagi usaha pengkomersialan hasil R&D negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11 sehingga suku kedua tahun 2017, sebanyak 111 projek R&D yang dibiayai menerusi dana kerajaan telah berjaya dikomersialkan.

Antara produk yang telah dikomersialkan ialah Sistem *SecureMi Data Leakage Prevention* yang dibangunkan oleh syarikat Evault Technologies Sdn Bhd. Ia merupakan sistem pencegahan kebocoran data yang direka bentuk untuk mencegah kebocoran maklumat sulit dan sensitif dalam kerajaan dan sektor korporat.

Selain itu, menerusi kajian yang dijalankan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menghasilkan kit pengujian mudah alih *HaFYS Porcine DNA Detection Assay* yang berupaya untuk mengesan DNA khinzir dalam sesuatu produk. Penggunaan kit pengujian mudah alih ini mampu menjimatkan masa pengujian dan pengendaliannya tidak memerlukan kepakaran yang tinggi.

Seterusnya, produk daripada SIRIM Berhad iaitu gel *Chitosan-based deep wound management* yang merupakan gel rawatan luka yang mengandungi anti-mikrob dan antioksidan bagi meningkatkan proses penyembuhan luka.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian akan terus komited untuk memaju dan meningkatkan pencapaian R,D&C negara bagi memastikan hasil penyelidikan dapat memberi impak yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.